

MCA kata Bajet 2013 'bajet mesra rakyat'
Malaysian Insider
29 September, 2012
Oleh Nomy Nozwir

KUALA LUMPUR, 29 Sept – MCA hari ini mengatakan Bajet 2013 adalah 'bajet mesra rakyat' yang meliputi semua sektor dan masyarakat menurut presidennya Datuk Seri Dr Chua Soi Lek.

Katanya, bajet kali ini memperincikan banyak perkara dan mengambil kira semua kebajikan masyarakat secara keseluruhannya.

"Pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.5 ke 5 peratus dalam keadaan ekonomi dunia tidak menentu, dan seperti yang dijanjikan oleh perdana menteri Datuk Seri Najib Razak, defisit dapat dikurangkan kepada 4 peratus dari 4.5 peratus.

"Sementara itu ada peruntukan sebanyak RM10 billion untuk industri kecil dan sederhana, jadi ini adalah langkah persediaan untuk menghadapi gaji minima tahun hadapan," kata Dr Chua (gambar) dalam kenyataan yang dikirim kepada The Malaysian Insider hari ini.

Katanya lagi, perbelanjaan sebanyak RM500 juta untuk peruntukan guru-guru dalam bidang tertentu seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik diberikan pada masa yang tepat.

Beliau juga berterima kasih kepada perdana menteri kerana menyediakan RM100 juta untuk sekolah jenis kebangsaan Cina, dan menunjukkan bahawa kerajaan masih mengiktiraf pendidikan Cina di negara ini.

"Selain itu, peruntukan untuk usahawan muda yang berjumlah RM50 juta diharap dapat membantu golongan tersebut menceburi bidang perniagaan.

"Rebat RM200 untuk pembelian telefon pintar untuk mereka yang berusia 21-30 tahun juga dapat menggembirakan golongan muda.

"Dan pembinaan 123,000 unit rumah mampu milik diharap dapat menyelesaikan masalah kekurangan rumah di kalangan masyarakat yang semakin meruncing," kata Dr Chua.

Dr Chua juga memuji langkah kerajaan memberi Bantuan Rakyat 1 Malaysia kali kedua (BR1M 2.0) untuk golongan yang berpendapatan rendah, disamping diperluaskan kepada golongan muda kerana ini yang diperjuangkan oleh MCA selama ini.

"Yang paling penting ialah kerajaan meluluskan lebih banyak kamera litar tertutup (CCTV) untuk dipasang bagi memastikan kejadian jenayah dapat dikurangkan.

"Selain itu, kesediaan kerajaan menyediakan unit peronda bermotorsikal diharap dapat mengurangkan jenayah di kawasan perumahan yang kian berleluasa," kata presiden MCA itu lagi.

MCA juga berharap perbelanjaan kali ini tidak ada ketirisan, sebaliknya perbelanjaan ini dibelanjakan dengan berhemah, serta rasionalisasi subsidi harus dilihat agar tidak membebankan pengguna.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mca-kata-bajet-2013-bajet-mesra-rakyat/>